Sayyid Qutb

Tafsir Fi Zilalil Quran

Surah Al-Muzzammil

KONSIS Media

Siri Tafsir

سُورَةُ المُزَّمِّلِ

SURAH AL-MUZZAMMIL

Surah (Rasul) Yang Berselimut

Surah (73) – Makkiyah – 20 ayat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾

1. **Wahai orang yang berselimut!**

قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾

2. **Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya.**

نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾

3. **Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya.**

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

4. **Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti.**

إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

5. **Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat.**

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾

6. **Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya.**

إِنَّ لَكَ فِي ٱلنَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾

7. Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang.

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

8. Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna.

رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

9. Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai pelindung.

وَذَرْنِي وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِي ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

10. Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik.

وَذَرْنِي وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِي ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

11. Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar.

إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

12. Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala.

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

13. Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan azab yang amat pedih.

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

14. Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan.

إِنَّآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

15. Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang Rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana Kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun.

فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾

16. Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat.

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا ﴿١٧﴾

17. Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu – jika kamu tidak beriman – dari azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban.

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

18. Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota.

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿١٩﴾

19. Sesungguhnya ayat-ayat al-Qur'an ini suatu peringatan. Oleh itu siapa yang mahu hendaklah ia mengambil jalan yang membawa kepada Tuhannya.

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَىِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ
وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ ۚ عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ ۙ
وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا
تَيَسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ
تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

20. Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembah-yang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka yang ada bersama engkau. Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an. Allah mengetahui akan ada di antara

kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula segolongan orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah. Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilullah. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an, dan dirikan solat, keluarkan zakat dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya. Dan pohonlah keampunan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Menurut satu riwayat, sebab turunnya surah ini ialah pemimpin-pemimpin Quraysy telah berkumpul di Darun-Nadwah (Dewan Persidangan) merancangkan langkah-langkah jahat untuk menentang Rasulullah s.a.w. dan da'wah yang dibawa kepada mereka. Apabila berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. beliau pun berdukacita lalu berselimut dan tidur dengan keadaan runsing. Pada masa inilah datang Jibril a.s. membawa bahagian pertama dari surah ini iaitu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ
تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾
إِنَّ لَكَ فِى ٱلنَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾ وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾ رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ
وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾ وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾
وَذَرْنِى وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِى ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾ إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾ وَطَعَامًا ذَا
غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾ يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾ إِنَّآ
أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ
فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾ فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا ﴿١٧﴾ ٱلسَّمَآءُ
مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾ إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ
سَبِيلًا ﴿١٩﴾

Dan bahagian yang kedua diturun lewat kemudian iaitu:

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَيِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ
وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ ۚ عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ ۙ
وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا
تَيَسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ
تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

Ayat ini telah diturunkan genap setahun kemudian, iaitu ketika Rasulullah s.a.w. bersama-sama dengan sekumpulan pengikutnya bangkit di waktu malam kerana mendirikan solat sehingga kaki-kaki mereka menjadi bengkak, lalu turunlah ayat yang meringankan mereka di dalam bahagian yang kedua ini selepas dua belas bulan kemudian.

Di sana ada satu riwayat yang lain, yang sama dengan riwayat mengenai sebab turunnya Surah al-Muddaththir sebagaimana akan diterangkan apabila dibicarakan surah itu kelak.

Beribadat Di Gua Hira'

Intisari dari riwayat ini ialah Rasulullah s.a.w. bertahannuth iaitu menyuci diri dan beribadat di Gua Hira', iaitu tiga tahun sebelum beliau dibangkitkan menjadi Rasul. Masa ibadatnya ialah selama sebulan dalam setiap tahun, iaitu sebulan Ramadhan. Dalam bulan ini beliau pergi ke Gua Hira' yang terletak kira-kira dua batu dari Makkah bersama keluarganya yang berada berhampiran dengannya. Beliau tinggal di sana sepanjang bulan ini memberi makanan kepada orang-orang miskin yang datang kepadanya dan menghabiskan waktunya beribadat, berfikir dan merenungi pemandangan-pemandangan alam di sekelilingnya dan kuasa pencipta yang wujud di sebaliknya. Beliau tidak senang dengan kepercayaan-kepercayaan syirik kaumnya yang lemah, tetapi beliau tidak mendapat suatu jalan yang terang, jelas dan memuaskan hatinya.

Keputusan Rasulullah s.a.w. untuk ber'uzlah atau memencilkan dirinya itu merupakan sebahagian dari tadbir Allah untuk menyiapkan diri beliau bagi memikul tugas da'wah yang amat besar kelak. Dengan pengasingan diri ini beliau dapat bersunyi dengan dirinya, dapat membebaskan dirinya dari kesibukan-kesibukan hidup dan desakan-desakannya yang remeh-temeh dan dapat menumpukan perhatiannya kepada kejadian-kejadian alam yang banyak memberi ilham di samping mengamati bukti-bukti ciptaan Allah yang amat indah. Rohnya dapat menjelajah bersama roh alam buana, dapat berpeluk dengan keindahan dan kesempurnaan kejadian-kejadian itu dan dapat berinteraksi dengan hakikat agung, di samping berlatih berinteraksi bersamanya dengan penuh kefahaman dan pengertian.

'Uzlah Suatu Keperluan Kepada Bakal Pemimpin Agung Manusia

Bagi manusia yang berjiwa besar yang dipilih untuk membawa perubahan kepada kehidupan umat manusia ke satu arah yang lain pastilah ber'uzlah atau memencilkan diri untuk beberapa waktu, dan memutuskan hubungannya dengan kesibukan-kesibukan hidup dan dukalara manusia yang remeh-temeh mengganggu kehidupan.

Manusia yang berjiwa besar itu pastilah ber'uzlah selama satu jangka waktu untuk bersemadi, mengheningkan cipta, memerhati dan meneliti, berfikir dan merenungi alam buana yang lebar dan hakikat-hakikatnya yang luas, kerana penenggelaman diri dalam kesibukan kehidupan akan membuat jiwa seseorang itu terbiasa dan lalai dengannya, kerana itu ia tidak lagi cuba dan berusaha mengubahkannya. Tetapi 'uzlah atau pemencilan dari kesibukan dan hidup bebas dari segala belenggu dan gangguan-gangguan yang remeh-temeh itulah yang akan memberi peluang kepada manusia berjiwa besar untuk melihat hakikat-hakikat yang lebih besar dan untuk melatihkan dirinya berdikari dan menyedari kesepaduan dirinya tanpa memerlukan kepada adat resam manusia dan untuk mengambil pedoman-pedoman dari satu sumber yang lain dari sumber adat resam yang lumrah itu.

Demikianlah Allah mengaturkan persediaan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan melengkapkan dirinya untuk memikul amanah da'wah yang agung, untuk mengubahkan permukaan bumi dan untuk menukarkan perjalanan sejarah. Allah telah mengaturkan 'uzlah ini kepada beliau tiga tahun sebelum ia ditugaskan menjadi Rasul. Selama sebulan dalam 'uzlah itu beliau menjelajah bersama roh alam buana yang bebas lepas, mengheningkan ciptanya memikirkan hakikat alam ghaib yang tersembunyi di sebalik alam buana raya itu hingga tiba waktunya, di mana beliau diizinkan Allah untuk berinteraksi dengan alam ghaib itu.

Apabila Allah menyatakan iradat-Nya dan memberi keizinan untuk melimpahkan rahmat-Nya ini kepada umat manusia, maka datanglah Jibril a.s. menemui Nabi s.a.w. di dalam Gua Hira'. Kisah pertemuan ini telah diceritakan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dari Wahb ibn Kisan dan 'Ubayd katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

Menerima Kunjungan Jibril Membawa Wahyu Pertama

"Lalu Jibril datang kepadaku sewaktu aku sedang tidur. Dia membawa bekas dari kain berokid yang mengandungi sebuah kitab. Dia berkata kepada Aku: Bacalah! Lalu aku menjawab: Aku tidak tahu membaca." Sabda beliau: **"Jibril terus memelukku dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian dia melepaskan aku sambil berkata: Bacalah! Aku jawab lagi: Aku tidak tahu membaca."** Sabda beliau: **"Jibril memelukku lagi dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian dia melepaskan aku semula seraya berkata: Bacalah! Aku terus menjawab: Aku tidak tahu**

membaca." Sabda beliau: **Dia memelukku lagi dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian ia melepaskan aku kembali dan berkata: Bacalah! Aku terus menjawab: Aku hendak baca apa?"** Sabda beliau: **"Aku menjawab begitu untuk mengelakkannya dari memelukku sekali lagi, lalu ia berkata:**

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

1. **"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)."**

خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

2. **"Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah."**

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾

3. **"Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah."**

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾

4. **"Yang mengajar dengan pena."**

عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

5. **"Ia mengajar manusia ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya."**

(Surah al-'Alaq)

Rasulullah Melihat Jibril di Kaki Langit

Sabda beliau: **"Lalu aku membacanya hingga selesai dan kemudian dia berundur dariku. Aku pun bangkit dari tidurku dan ayat-ayat itu seolah-olah ditulis dengan jelas di dalam hatiku."** Sabda beliau: **"Lalu aku pun keluar dari gua itu dan apabila aku sampai di pertengahan bukit aku dengar suara dari langit berkata: Wahai Muhammad! Engkaulah utusan Allah dan aku ialah Jibril."** Sabda beliau: **"Aku mendongakkan kepalaku ke langit, tiba-tiba aku nampak Jibril menjelma dalam rupa seorang lelaki mengatur dua tapak kakinya di kaki langit dan berkata: Wahai Muhammad! Engkaulah utusan Allah dan akulah Jibril."** Sabda beliau: **"Aku berdiri melihatnya tanpa bergerak-gerak ke depan atau ke belakang, kemudian aku palingkan mukaku darinya melihat kaki-kaki langit."** Sabda beliau: **"Tetapi aku tidak melihat mana-mana arah kaki-kaki langit itu melainkan aku nampak dia berada di sana. Oleh itu aku terus berdiri tanpa**

bergerak-gerak ke depan atau ke belakang, sehingga Khadijah menghantarkan utusannya mencariku. Mereka sampai ke hulu Makkah kemudian pulang semula kepada Khadijah, sedangkan aku masih terus berdiri di tempat itu. Kemudian Jibril berundur dariku dan aku pun pulang kepada keluargaku dan mendapatkan Khadijah, lalu aku duduk bersandar ke pahanya. Dia berkata kepadaku: Wahai Abul-Qassim ke mana abang pergi? Demi Allah dinda telah mengirim orang-orang mencari kekanda hingga ke Makkah dan mereka balik semula kepada adinda. Kemudian aku menceritakan kepadanya apa yang aku telah lihat lalu ia berkata: Terimalah berita gembira itu, wahai anak kemanakkanku, dan teguhkan hati kekanda, demi nyawa Khadijah di tangan Allah, adinda harap kekandalah yang akan menjadi Nabi umat ini."

Kemudian wahyu kepada Nabi s.a.w. terputus seketika hingga beliau berada di bukit itu sekali lagi. Di sana beliau melihat Jibril dan tubuhnya terus menggigil hingga beliau melutut dan jatuh ke tanah, kemudian beliau terus pulang kepada keluarganya dengan keadaan gementar sambil berkata, "Selimutkan aku! Selimutkan aku!" Dan beliau terus menggigil kerana terlalu cemas dan tiba-tiba Jibril menyerunya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾

1. "Wahai orang yang berselimut!"

(Menurut satu riwayat يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ) Allah. sahaja yang tahu manakah satunya yang tepat.

Rasulullah Diseru Bangkit Berjuang

Sama ada riwayat yang pertama atau riwayat yang kedua ini yang betul mengenai sebab turunnya bahagian awal surah ini, namun yang pastinya ialah Rasulullah s.a.w. telah mengetahui bahawa di sana tidak ada lagi masa tidur, malah yang ada di sana ialah tugas yang berat dan perjuangan yang panjang sejak ia diseru supaya bangun dan jangan tidur.

Rasulullah s.a.w. telah diseru **"Bangunlah!"** Lalu beliau pun bangun dari tidurnya dan terus bangun selama lebih dari dua puluh tahun tanpa berehat, tanpa bersenang dan tanpa hidup untuk memperjuangkan kesenangan dirinya dan kesenangan keluarganya. Beliau terus bangun memperjuangkan da'wah Allah dan memikul di atas bahunya tugas yang amat besar dan berat, iaitu tugas amanah teragung di bumi ini, tugas memimpin seluruh umat manusia, tugas menegakkan 'aqidah seluruhnya dan tugas berjuang dan berjihad di dalam berbagai-bagai bidang.

Beliau memikul tugas berjuang dan berjihad dalam medan hati nurani manusia yang tenggelam di dalam kepercayaan-kepercayaan jahiliyah dan persepsi-persepsinya yang karut-marut, hati nurani manusia yang terbeban dengan cita-cita dan keni'matan bumi yang menarik dan hati nurani manusia yang dirantai dengan belenggu-belenggu nafsu syahwat. Apabila hati sebahagian dari sahabat-sahabatnya telah bersih dari sampah sarap jahiliyah dan kekotoran kehidupan dunia, beliau memulakan pula satu perjuangan yang lain di medan yang lain pula, malah terus berjuang di dalam berbagai medan perjuangan yang bersambung-sambung menentang musuh-musuh da'wah Allah yang bersatu padu untuk menghancurkan da'wah dan orang-orang yang beriman kepada-Nya. Musuh-musuh itu bercita-cita untuk membunuh anak pokok da'wah dari tempat semaiannya lagi sebelum ia membesar subur menghulurkan akar-akarnya di bumi dan melepaskan cabang-cabangnya di udara meneduhi kawasan-kawasan yang luas. Sebaik sahaja beliau selesai dari perjuangannya di Semenanjung Tanah Arab, tampil pula kerajaan Rom bersiap sedia untuk memerangi umat Islam yang baru itu di kawasan-kawasan perbatasannya di bahagian utara.

Dalam masa mengharungi semua perjuangan ini, maka perjuangan pertama iaitu perjuangan di medan hati nurani tidak pernah tamat, kerana perjuangan di medan ini merupakan satu medan perjuangan yang kekal abadi yang dipimpin oleh syaitan sendiri. Ia tidak pernah lalai sedetik pun melakukan kegiatan-kegiatannya di lubuk hati manusia. Nabi Muhammad s.a.w. yang memperjuangkan da'wah Allah dan mengharungi perjuangan-perjuangan yang tidak putus-putus di dalam berbagai-bagai medan itu adalah hidup dalam kesulitan dan kejerihan walaupun kesenangan hidup dunia berada di hadapannya, dan orang-orang Islam meni'mati kesenangan hidup di bawah naungan keamanan dan kerehatan di sekeliling beliau. Beliau sentiasa berada dalam kepenatan perjuangan yang tidak putus-putus. Beliau menghadapinya dengan penuh tabah dan sabar. Beliau bangkit di waktu malam mengerjakan ibadat solat dan membaca al-Qur'an dengan teliti sebagaimana diperintah Allah yang telah menyerunya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾

1. **"Wahai orang yang berselimut!"**

قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾

2. **"Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya."**

نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾

3. **"Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya."**

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

4. **"Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti."**

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

5. **"Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."**

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾

6. **"Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya."**

إِنَّ لَكَ فِي ٱلنَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾

7. **"Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang."**

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

8. **"Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna."**

رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

9. **"Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai Pelindung."**

وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

10. **"Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."**

Demikianlah Nabi Muhammad s.a.w. bangun dari tidurnya dan terus hidup di dalam perjuangan yang bersambung-sambung lebih dari dua puluh tahun tidak pernah lalai dan cuai di sepanjang masa itu sejak ia diseru Allah dan menerima tugas yang amat berat itu. Semoga Allah memberi sebesar-besar balasan kepadanya bagi pihak kita semua dan umat manusia seluruhnya.

* * * * * *

Di Antara Bahagian Pertama Dan Bahagian Kedua Surah

Bahagian pertama surah ini berlangsung dengan satu irama yang sama dan hampir-hampir diakhiri dengan suku kata akhir yang sama, iaitu huruf Lam yang memanjang yang mengeluarkan irama yang lembut dan hebat sesuai dengan kehebatan tugas, keseriusan

urusan da'wah serta berbagai-bagai kejutan yang berturut-turut, dibentangkan penjelasan al-Qur'an seperti kejutan firman-firman yang berat dan kejutan ancaman yang menakutkan:

وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

11. "Dan biarlah aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."

إِنَّ لَدَيْنَا أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

12. "Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala."

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

13. "Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan azab yang amat pedih."

Juga kejutan situasi yang muncul dalam pemandangan-pemandangan alam dan lubuk hati manusia:

يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

14. "Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ شِيبًا ﴿١٧﴾

17. "Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu – jika kamu tidak beriman – dari azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban."

السَّمَاءُ مُنفَطِرٌ بِهِ ۚ كَانَ وَعْدُهُ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

18. "Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu, dan janji Allah tetap terkota."

Adapun ayat akhir yang panjang merupakan bahagian yang kedua surah ini, maka ia diturunkan selepas setahun Rasulullah s.a.w. bersama sekumpulan sahabat-sahabatnya bangun beribadat di waktu malam hingga bengkak kakinya dan kaki mereka. Pada masa ini beliau dan sahabat-sahabatnya sedang dilengkapkan Allah dengan persediaan-persediaan untuk memikul tugas besar yang disediakan untuk mereka. Ayat

ini diturunkan untuk meringankan mereka dan mententeramkan mereka bahawa semuanya ini telah dipilihkan Allah mengikut ilmu dan hikmat-Nya yang mengetahui segala tugas dan kewajipan mereka yang telah ditetapkan Allah kepada mereka dalam ilmu-Nya. Ayat ini mempunyai susunan yang tersendiri. Kata-katanya panjang dan iramanya bergelombang luas membayangkan ketenangan dan ketenteraman dan berakhir dengan sebuah huruf yang sesuai dengan ketenangan itu iaitu huruf " ميم " yang didahului oleh " يا " yang panjang pada kata-kata " غفور رحيم ".

* * * * * *

Surah ini dengan dua bahagiannya menayangkan selembar sejarah da'wah Islam yang bermula dengan seruan Allah yang menyerahkan tugas da'wah yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w. dan amalan-amalan penyediaan diri untuk memikul tugas itu, iaitu bangun di waktu malam mengerjakan ibadat solat, membaca al-Qur'an, berzikir dengan khusyu' dan menumpukan ingatannya kepada Allah semata-mata, bertawakkal kepada Allah Yang Tunggal, sabar menerima tentangan-tentangan, menjauhi pendusta-pendusta dengan cara yang baik dan menyerahkan urusan bertindak ke atas mereka kepada Allah Yang Maha Berkuasa, yang memegang teraju da'wah dan perjuangan da'wah.

Kemudian berakhir dengan belaian kasih sayang, pemberian kemudahan dan keringanan, arahan-arahan mengerjakan keta'atan-keta'atan dan tawaran rahmat dan keampunan:

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

20. "Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Ia menggambarkan satu lembaran dari lembaran-lembaran perjuangan luhur yang dilakukan oleh sekelompok manusia pilihan untuk mengembalikan manusia yang sesat kepada Tuhannya, iaitu kelompok manusia yang sabar menerima tentangan, yang berjuang membersihkan hati, yang meninggalkan keni'matan-keni'matan hidup yang mempesona, kelazatan-kelazatan yang melekakan, kelinangan kedudukan dan kenyamanan tidur yang dini'mati oleh orang-orang yang kosong hidup mereka.

Sekarang marilah kita melihat surah ini melalui nas-nasnya yang indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾

1. "Wahai orang yang berselimut!"

قُمِ

2. **"Bangunlah!"**

Bangunlah Sekarang Masa Berjuang

Itulah panggilan dari langit dan seruan dari Allah Yang Maha Tinggi. **"Bangunlah"** untuk memikul tugas agung yang menunggumu dan untuk melaksanakan beban amanah yang berat yang disediakan untukmu. Bangunlah untuk berjuang dan berpenat lelah. Bangunlah! Masa tidur dan berehat telah berlalu. Bangunlah dan bersedialah untuk tugas ini.

Ia merupakan satu perintah yang amat penting dan hebat yang menarik keluar Rasulullah s.a.w. dari kehangatan selimut tidur dan dari rumah yang tenang ke dalam gelombang perjuangan di tengah-tengah berbagai gegaran dan ribut taufan dan di tengah-tengah pertentangan-pertentangan di dalam hati manusia dan dalam realiti kehidupan.

Seorang yang hidup untuk dirinya mungkin dapat hidup rehat, tetapi dia hidup kerdil dan mati kerdil, tetapi bagi manusia yang berjiwa besar yang memikul tugas yang agung ini, maka dia tidak lagi memperhitungkan persoalan-persoalan tidur, rehat, tilam yang hangat, kehidupan yang tenang dan keni'matan yang selesa. Rasulullah s.a.w. telah pun menyedari hakikat tugas da'wah itu, kerana itu dia telah berkata kepada Siti Khadijah yang menyuruhnya bertenang dan tidur, "Wahai Khadijah, masa tidur telah berlalu." Ya, masa bersenang-senang dengan tidur telah berlalu dan tidak akan kembali lagi mulai hari ini. Masa kini ialah masa berjaga malam dan berpenat lelah dan masa perjuangan yang sulit dan panjang:

قُمِ ٱلَّيۡلَ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٢﴾

2. **"Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya."**

نِّصۡفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصۡ مِنۡهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾

3. **"Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya."**

أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ﴿٤﴾

4. **"Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti."**

Cara Rasulullah Melakukan Qiamul Layl

Itulah amalan-amalan menyediakan diri untuk tugas yang teragung yang diaturkan oleh Allah iaitu bangun beribadat di malam hari lebih dari separuh malam dan tidak sampai dua pertiga malam, dan sekurang-kurangnya sepertiga malam iaitu

bangun beribadat mengerjakan solat dan membaca al-Qur'an dengan teliti, iaitu membaca dengan memanjangkan suara dan mengelokkan bacaannya tanpa berlagu-lagu dan memain-mainkan irama.

Menurut riwayat yang sah, Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat witir di waktu malam tidak lebih dari sebelas raka'at, tetapi beliau menghabiskan lapan raka'at itu dalam masa kurang sedikit dari dua pertiga malam, di mana beliau membaca al-Qur'an dengan bacaan yang tartil.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam musnad katanya:

Kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Sa'id iaitu anak Abu 'Arubah dari Qatadah, dari Zararah ibn Awfa dari Sa'id ibn Hisyam bahawa ia telah datang menemui Ibn 'Abbas dan bertanya kepadanya tentang solat witir, lalu ia berkata: "Sukakah engkau jika aku memberitahu kepadamu seorang yang paling tahu tentang solat witir Rasulullah s.a.w. di dunia ini?" Jawabnya: "Ya." Lalu Ibn 'Abbas berkata: "Temuilah 'Aisyah dan tanyakannya. Kemudian kembalilah menemuiku dan beritahu kepadaku apakah jawapan beliau kepadamu." ....kemudian Sa'id bin Hisyam bercerita: Aku pun berkata: "Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku tentang akhlak Rasulullah s.a.w." Jawab beliau "Tidakkah engkau membaca al-Qur'an?" Jawabku: "Ya". Kata beliau: "Akhlak Rasulullah s.a.w. ialah al-Qur'an". Lalu aku pun hendak bangkit berundur, tiba-tiba timbul kepadaku persoalan bagaimana Rasulullah s.a.w. bangun beribadat di waktu malam, aku pun terus berkata, "Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku bagaimana Rasulullah s.a.w. bangun beribadat di waktu malam." Jawab beliau: "Tidakkah engkau baca surah يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ? Jawabku, "Ya". Kata beliau: "Sesungguhnya Allah telah memfardhukan bangun beribadat di waktu malam pada awal surah ini, lalu Rasulullah s.a.w. dan sabahat-sahabatnya bangun beribadat di waktu malam selama setahun hingga kaki-kaki mereka bengkak. Dan Allah telah menahan akhir surah ini di langit selama dua belas bulan. Kemudian Allah menurunkan perintah takhfif pada akhir surah ini dan jadilah amalan bangun beribadat di waktu malam itu sebagai ibadat sunat setelah ia menjadi ibadat fardhu." Kemudian aku pun hendak bangkit berundur, tiba-tiba timbul pula kepada aku persoalan bagaimana solat witir Rasulullah s.a.w., aku pun terus berkata: "Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku solat witir Rasulullah s.a.w." Jawab beliau: "Kami sediakan untuk beliau kayu suginya dan air untuk bersuci. Kemudian beliau dibangunkan Allah mengikut waktu yang dikehendaki-Nya supaya ia bangun, lalu beliau bersugi kemudian mengambil wudhu', kemudian beliau bersembahyang lapan raka'at dan beliau tidak duduk melainkan pada raka'at yang kelapan di mana beliau duduk berzikir menyebut Tuhannya Yang Maha Tinggi dan berdo'a. Kemudian beliau bangkit tanpa salam. Kemudian beliau berdiri sembahyang raka'at yang kesembilan, kemudian duduk berzikir menyebut Allah Yang Tunggal, kemudian beliau berdo'a kepada-Nya, kemudian memberi salam dengan ucapan yang dapat didengar oleh kami, kemudian beliau sembahyang dua raka'at lagi selepas beliau memberi salam sedangkan beliau duduk, itulah sebelas raka'at semuanya, wahai anakku. Dan apabila Rasulullah s.a.w. memasuki

umur tua dan badannya menjadi gempal, beliau mengerjakan witir tujuh raka'at. Kemudian ia sembahyang dua raka'at lagi selepas salam, sedangkan beliau duduk. Itulah sembilan raka'at semuanya, wahai anakku. Dan kebiasaan Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengerjakan sesuatu solat beliau mengerjakannya dengan tekun, dan jika beliau tidak dapat bangun beribadat kerana tertidur atau sakit, beliau akan sembahyang di waktu siang hari sebanyak dua belas raka'at. Dan aku tidak tahu Rasulullah s.a.w. membaca sebuah al-Qur'an semuanya dalam satu malam hingga sampai pagi dan berpuasa selama sebulan genap selain dari bulan Ramadhan sahaja." (1)

Semua persediaan ini dilakukan untuk menerima firman yang berat yang akan diturunkan Allah kepadanya.

(Pentafsiran ayat 5)

Al-Qur'an Menanam Kesan Berat Dan Kuat Dalam Hati Manusia

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

5. "Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."

Firman yang berat itu ialah al-Qur'an dengan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya yang wujud di sebaliknya. Pada dasarnya, al-Qur'an itu tidaklah berat malah mudah diingat, tetapi ia adalah berat dalam pertimbangan neraca kebenaran, juga berat dari segi keberkesanannya dalam hati manusia. Firman Allah:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ

21. "Jika Kami turunkan al-Qur'an ini di atas sebuah gunung nescaya engkau lihatnya tunduk khusyu' dan pecah retak kerana takutkan Allah."

(Surah al-Hasyr)

Kerana itulah Allah turunkan al-Qur'an ke atas sebuah hati yang lebih teguh dari gunung untuk menerimanya.

Kerja menerima pancaran nur Ilahi dan kerja menerima ilmu pengetahuan Ilahi dan menguasainya adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

Kerja berinteraksi dengan hakikat-hakikat alam yang agung dan abstrak itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan satu persediaan yang lama.

---

(1) Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai sembahyang Rasulullah s.a.w. di waktu malam dan solat witirnya. Rujuklah kepada kitab زاد المعاد *oleh Ibn al-Qayyim pada bab* " هدي صلى الله عليه وسلم في قيام الليل "

Kerja berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la, dengan roh alam dan roh seluruh makhluk yang hidup dan yang beku seperti yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

Kelebihan Bangun Beribadat Di Waktu Malam

Usaha berdiri teguh dan jujur menjunjung perintah Ilahi tanpa ragu-ragu dan teragak-agak, tanpa menoleh ke sana sini di tengah-tengah berbagai-bagai bisikan, tarikan dan halangan itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

(Pentafsiran ayat 6)

Usaha bangun beribadat di waktu malam ketika semua manusia tidur, usaha mengasingkan diri dari kesibukan dan urusan remeh-temeh kehidupan, usaha menghubungkan diri dengan Allah dan menerima pancaran nur-Nya dan usaha berhubung mesra dengan Allah di tempat dan masa yang sunyi dan usaha membaca al-Qur'an di sa'at-sa'at alam sunyi sepi seolah-olah bacaan itu turun dari alam al-Mala'ul-A'la tertinggi dan bergema di seluruh pelosok alam tanpa kata-kata dan ungkapan manusia, dan usaha menyambut pancaran-pancaran ilham-ilham dan kesan-kesan dari ayat-ayat itu di malam yang tenang tenteram semuanya merupakan bekalan-bekalan persediaan untuk memikul perintah-perintah Ilahi yang berat, tugas yang besar dan perjuangan yang pahit yang menunggu Rasulullah s.a.w. dan menunggu siapa sahaja yang berda'wah dengan da'wah ini dalam mana-mana generasi umat manusia. Itulah usaha-usaha yang dapat menerangkan hati di jalan perjuangan yang sukar dan lama, juga dapat menyelamatkan hati manusia dari bisikan-bisikan syaitan yang jahat dan dari tersesat dalam kegelapan-kegelapan yang mengepung jalan yang terang benderang ini.

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾

6. "Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya."

Kata-kata " ناشئة الليل " bererti ibadat yang dilakukan selepas waktu solat Isya'. Ayat ini menyifatkan ibadat malam ini sebagai ibadat yang lebih memenatkan tubuh badan dan lebih kukuh kebaikannya (mengikut pendapat Mujahid), kerana melawan pujukan keinginan tidur dan tarikan tilam empuk setelah berpenat lelah di siang hari itu lebih memenatkan badan. Tetapi bangun beribadat di tengah malam merupakan satu perisytiharan kemenangan roh dan sambutan terhadap seruan Allah di samping merupakan usaha mementingkan hubungan mesra dengan Allah. Sebab itulah ibadat di tengah malam itu lebih jelas bacaannya, kerana berzikir di waktu itu mempunyai kemanisannya. Solat di waktu itu mendatangkan khusyu' yang mendalam dan bermunajat di waktu itu juga mempunyai implikasi yang halus. Sesungguhnya ibadat di tengah malam itu mencurahkan di dalam hati manusia rasa kemesraan, kerehatan, kejernihan dan nur yang mungkin tidak boleh didapati di dalam solat siang hari dan

zikir-zikirnya. Allah yang telah menciptakan hati manusia ini adalah mengetahui segala pintunya dan segala tali rasnya, mengetahui segala sesuatu yang meresap masuk ke dalamnya, mengetahui bilakah waktu-waktu yang lebih terbuka dan lebih bersedia untuk menerima dan mengetahui manakah sebab-sebab yang lebih mesra dan lebih berkesan kepadanya.

Allah telah memilih hari malam untuk kegiatan ibadat Rasul-Nya Muhammad s.a.w. kerana pada hari siang beliau mempunyai berbagai-bagai urusan dan kesibukan yang banyak menghabiskan tenaga dan perhatiannya:

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

إِنَّ لَكَ فِي ٱلنَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾

7. "Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang."

Siang Masa Kerja

Oleh itu, biarlah beliau menghabiskan hari siang untuk menyelesaikan urusan-urusan dan kesibukan itu dan menumpukan ibadatnya kepada Allah di hari malam, iaitu bangun mendirikan solat dan berzikir:

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

8. "Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna."

Pemusatan Diri Kepada Allah

Maksud menyebut nama Allah bukanlah semata-mata mengulang-ulangkan sebutan nama-Nya yang mulia dengan lidah mengikut bilangan buah tasbih ratusan atau ribuan, tetapi yang dimaksudkan ialah zikir hati yang disertai oleh zikir lidah, atau solat itu sendiri dan membaca al-Qur'an di dalamnya. Maksud dari penumpuan ibadat ialah pemisahan yang menyeluruh dari segala sesuatu yang lain dari Allah dan pemusatan yang menyeluruh kepada Allah dengan amal ibadat dan zikir, di samping membersihkan hati dari segala sesuatu yang melalaikannya dari Allah dan menghadhirkan hati bersama Allah dengan seluruh perasaan dan kesedaran yang sempurna.

Setelah menyebut penumpuan ibadat kepada Allah semata-mata, iaitu pemisahan diri dari segala sesuatu yang lain dari Allah, maka ayat berikut menyebut pula bahawa di sana tiada Tuhan yang lain melainkan Allah yang dapat dituju oleh sesiapa sahaja yang mahu menuju kepada-Nya:

رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

9. "Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai Pelindung."

Bertawakkal Kepada Allah

Dialah Tuhan yang memiliki segala hala dan arah, iaitu Tuhan hala barat dan hala timur. Dialah Tuhan Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Oleh itu, penumpuan kepada Allah ialah penumpuan kepada hakikat Yang Maha Esa di alam al-wujud ini, dan bertawakkal kepada Allah ialah bertawakkal kepada kuasa dan kekuatan Yang Maha Esa di alam al-wujud ini. Bertawakkal kepada Allah merupakan hasil yang langsung dari kepercayaan kepada keesaan Allah dan kuat kuasa-Nya yang meliputi timur dan barat, iaitu meliputi seluruh alam. Rasulullah s.a.w. yang diseru supaya bangkit dari tidurnya untuk memikul tugas yang berat itu memerlukan dari awal lagi kepada penumpuan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya, kerana dari sinilah beliau mendapat kekuatan dan bekalan untuk memikul bebanan yang berat di jalan perjuangan yang panjang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 19)

Kemudian Allah memberi bimbingan kepada Rasulullah s.a.w. supaya sabar menghadapi tuduhan, halangan, keengganan dan tentangan kaumnya dan menyerahkan sahaja pendusta-pendusta itu kepada tindakan-Nya dan memberi tempoh sebentar kepada mereka, kerana Allah telah menyediakan untuk mereka azab seksa yang dahsyat:

وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

10. "Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."

وَذَرْنِي وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِي ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

11. "Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."

إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

12. "Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala."

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

13. "Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan azab yang amat pedih."

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

14. "Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."

إِنَّآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

15. "Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang Rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana Kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun."

فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾

16. "Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat."

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا ﴿١٧﴾

17. "Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu – jika kamu tidak beriman – dari azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban."

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

18. "Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota."

Jika riwayat pertama itu betul mengenai turunnya permulaan surah ini pada permulaan dibangkitkan Rasulullah s.a.w., maka bahagian yang kedua ini adalah diturunkan pada masa kebelakangan, iaitu setelah Rasulullah s.a.w. menjalankan da'wah secara terus-terang dan setelah munculnya golongan penentang dan pendusta-pendusta yang berlidah lancang dan bertindak menindas Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min. Tetapi jika riwayat yang kedua itu yang betul, maka bahagian pertama surah ini semua adalah turun dengan sebab Nabi s.a.w. menerima tindak-tanduk yang jahat dari orang-orang Musyrikin yang menghalangi perkembangan da'wah.

Walau bagaimanapun, namun kita dapati arahan Allah kepada beliau supaya bersabar itu adalah disebut selepas arahannya supaya beliau bangun beribadat di waktu malam dan berzikir. Kedua-duanya sering digandingkan dalam rangka usaha membekalkan hati manusia dengan bekalan da'wah dalam perjalanan perjuangan yang panjang dan sulit, sama ada dalam perjalanan di dalam lorong-lorong hati manusia atau dalam perjalanan menentang para penentang da'wah. Kedua-duanya memang sulit dan sukar kerana inilah beliau di arah bersabar:

وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

10. "Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."

Kesabaran Senjata Dan Perisai Penda'wah

Iaitu tanpa melemparkan celaan dan menunjukkan kemarahan, tanpa melakukan pemulauan dan pergaduhan. Inilah corak da'wah di Makkah terutama di peringkat permulaan da'wah, iaitu da'wah dalam bentuk seruan yang ditujukan kepada hati sahaja dan dalam bentuk penyampaian yang tenang dan penerangan yang jelas semata-mata.

Menjauhkan diri dengan cara yang baik terhadap sindiran-sindiran yang lancang dan pembohongan-pembohongan memerlukan kesabaran dan Zikrullah. Kesabaran merupakan pesanan utama Allah yang berulang-ulang kali dihadapkan kepada setiap rasul-Nya dan kepada para hamba-Nya yang beriman kepada rasul-rasulnya. Tiada seorang pun yang dapat menjalankan tugas da'wah kecuali dia jadikan kesabaran sebagai bekal, perisai dan senjatanya, sebagai tempat naungan dan perlindungannya, kerana da'wah itu jihad dan perjuangan iaitu jihad di dalam jiwa sendiri untuk menentang nafsu dan penyelewengan-penyelewengannya, menentang kelemahan-kelemahan dan penderhakaannya, kegopohan dan keputusan asasnya dan jihad untuk melawan musuh-musuh da'wah dan segala tipudaya dan penindasan mereka. Juga jihad terhadap semua orang yang mahu mengelak dan melarikan diri dari tugas-tugas da'wah dan terhadap mereka yang menyamarkan diri dengan berbagai-bagai pakaian, sedangkan pada hakikatnya mereka menyalahi da'wah dan tidak jujur kepadanya.

Tiada bekal yang lain bagi penda'wah untuk menghadapi segala gelagat-gelagat ini melainkan sabar dan Zikrullah selaku gandingan sabar hampir di segenap tempat.

Sabarlah menghadapi perkataan-perkataan mereka yang kesat dan jauhkan diri dari mereka dengan cara yang seelok-eloknya, dan serahkan sahaja pendusta-pendusta itu kepada Aku, kerana Akulah yang sanggup bertindak terhadap mereka:

وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

11. "Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."

Serahkan Urusan Penentang-penentang Agama Yang Mewah Kepada Allah

Itulah sepatah kata Allah Yang Maha Gagah, Maha Perkasa dan Maha Kuat. Mereka hanya sekumpulan manusia biasa sahaja, sedangkan yang memberi amaran dan ancaman kepada mereka ialah Allah yang menciptakan mereka dan alam yang lebar ini dengan hanya mengeluarkan perintah " كُنْ " sahaja. Serahkanlah pendusta-pendusta itu kepada aku sahaja, kerana da'wah yang diperjuangkan engkau adalah da'wah-Ku dan engkau hanya penyampainya sahaja. Biarlah mereka mendustakan engkau dan hindarilah mereka dengan cara yang baik, Aku akan bertindak memerangi mereka. Oleh itu, rehatkan fikiranmu dari memikirkan masalah pendusta-pendusta itu.

Itulah serangan Allah yang amat hebat terhadap kumpulan manusia pendusta yang hina, lemah dan:

أُوْلِي ٱلنَّعْمَةِ

11. "Mempunyai kemewahan hidup"

biarpun bagaimana besarnya kekuatan dan kekuasaan mereka ke atas makhluk-makhluk seperti mereka di bumi.

وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

11. "Dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."

Andainya Allah memberi tempoh kepada mereka sepanjang hidup dunia sekalipun masih lagi dikira sebentar, kerana hidup di dunia ini hanya satu hari atau setengah hari sahaja dalam kiraan Allah dan dalam kiraan perasaan mereka sendiri apabila dunia ini diqiamatkan, malah mereka seolah-olah akan merasakan hidup dunia pada hari Qiamat itu hanya satu sa'at dari waktu siang hari sahaja. Hidup dunia ini tetap sebentar biarpun bagaimana panjangnya, biarpun mereka yang mendustakan da'wah itu berlalu dalam kehidupan dunia ini dengan selamat dari tindakan Allah Yang Maha Kuasa yang telah memberi tempoh yang sebentar kepada mereka:

إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

12. "Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala."

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

13. "Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan azab yang amat pedih."

Semuanya merupakan balasan-balasan yang setimpal kepada pendusta-pendusta yang hidup mewah itu, yang tidak tahu menghargai ni'mat dan tidak tahu bersyukur kepada Pengurnianya. Oleh itu, sabarlah wahai Muhammad, dengan sebaik-baik sabar, dan serahkan urusan mereka kepada Aku sahaja, kerana Aku telah pun menyediakan untuk mereka belenggu-belenggu yang akan menyeksakan mereka, dan Neraka yang akan membakar mereka, dan makanan yang sentiasa mencekik leher mereka dan azab yang amat pedih yang akan menimpa mereka pada hari Qiamat yang ngeri.

Kemudian ayat yang berikut melukiskan pemandangan hari Qiamat yang menakutkan itu:

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

Pemandangan Ketika Berlaku Qiamat

14. "Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."

Itulah gambaran kedahsyatan malapetaka hari Qiamat yang membuat sebesar-besar bumi ini bergegar, gementar dan hancurlebur dan bagaimana pula dengan manusia yang kerdil yang akan menghadapi hari itu.

Di hadapan pemandangan yang dahsyat dan ngeri ini, ayat yang berikut menoleh kepada para pendusta yang hidup mewah itu sambil mengingatkan mereka dengan kisah Fir'aun yang kuat dan bermaharajalela, bagaimana Allah membinasakan mereka dengan kebinasaan yang hanya dapat dilakukan oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah:

إِنَّآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

15. "Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang Rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun."

فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾

16. "Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat."

Demikianlah gambaran ringkas yang menggoncang dan mencabutkan hati mereka selepas ditayangkan pemandangan bumi dan gunung-ganang yang bergegar dan runtuh.

Itulah gambaran kebinasaan di Akhirat dan kebinasaan di dunia, oleh itu, bagaimana mereka hendak menyelamatkan diri mereka dari malapetaka azab yang ngeri itu?

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا ﴿١٧﴾

17. "Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu – jika kamu tidak beriman – dari azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban."

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

18. "Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tanpa terkota."

Gambaran kedahsyatan malapetaka hari Qiamat di sini ialah ia menggegarkan bumi dan gunung-ganang, memecahbelahkan langit dan mengubankan kanak-kanak yang kecil. Gambaran kedahsyatan Qiamat itu terlukis pada alam yang diam dan pada manusia yang hidup dalam bentuk pemandangan-pemandangan yang dipindahkan oleh al-Qur'an ke dalam hati seolah-olah pemandangan itu terbentang di depan mata, kemudian ditegaskan pula:

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

18. "Dan janji Allah tetap terkota."

Yakni Qiamat itu tetap berlaku tidak akan mungkir. Allah melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya dan apa yang dikehendaki-Nya itu tetap terlaksana.

Di hadapan pemandangan-pemandangan kebinasaan yang menimpa alam dan diri manusia itu Allah menyentuh hati mereka supaya sedar dan memilih jalan yang selamat iaitu jalan Allah.

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿١٩﴾

19. "Sesungguhnya ayat-ayat al-Qur'an ini suatu peringatan. Oleh itu, siapa yang mahu hendaklah ia mengambil jalan yang membawa kepada Tuhannya."

Pilihan Jalan Menuju Kepada Allah

Jalan menuju kepada Allah merupakan satu jalan yang lebih aman dan mudah dari jalan yang diragui yang membawa kepada malapetaka yang dahsyat itu.

Ketika ayat-ayat itu menggoncangkan kaki manusia-manusia pendusta, maka hati Rasulullah s.a.w. dan hati sekumpulan para Mu'minin yang kecil dan lemah itu pula dituruni perasaan tenang tenteram dan rasa kepercayaan dan keyakinan, kerana mereka merasa Allah bersama mereka membunuh dan menyeksa musuh-musuh mereka. Penangguhan itu hanya sebentar sahaja dan akan diselesaikan apabila sampai masa yang ditentukannya. Ketika itu Allah akan membinasakan musuh-musuh-Nya dan musuh-musuh orang Mu'min dengan keseksaan Neraka dan azab yang amat pedih.

Sesungguhnya Allah tidak membiarkan hamba-hamba kesayangan-Nya diperlakukan sesuka hati oleh musuh-musuhnya walaupun musuh-musuh itu ditangguhkan tempoh balasan mereka ke suatu masa tertentu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20)

Kemudian datang pula bahagian yang kedua surah ini dalam satu ayat yang panjang yang diturunkan setahun kemudian selepas bahagian yang pertama, mengikut riwayat yang terkuat.

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَيِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ
وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ ۚ عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ ۙ
وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا
تَيَسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ
تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

20. **"Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembahyang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka yang berada bersama engkau. Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an. Allah mengetahui akan ada di antara kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula segolongan orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah. Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilullah. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an, dan dirikan solat, keluarkan zakat dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya. Dan pohonlah keampunan dari Allah sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

Kembali Kepada Kehidupan Normal Setelah Tamat Latihan Peningkatan Rohaniyah Yang Intensif

Ayat ini merupakan satu belaian yang lemah lambut menyampaikan perintah memberi keringanan yang mengurangkan kepenatan dan kesulitan kepada Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min. Allah mengetahui keikhlasan Rasul-Nya dan keikhlasan mereka kepada-Nya. Kaki-kaki mereka bengkak kerana terlalu lama bangun berdiri mengerjakan solat dan membaca al-Qur'an dengan panjang. Bukanlah tujuan Allah untuk menyusahkan Nabi-Nya dengan banyak membaca al-Qur'an dan bangun di waktu malam mendirikan solat, malah tujuannya ialah untuk melatih dan menyediakan diri Rasul-Nya untuk

memikul tugas da'wah yang amat besar yang akan dihadapi olehnya di sepanjang hayatnya bersama-sama dengan sekelompok para Mu'minin yang sedikit yang turut berjuang dengannya.

Ungkapan ayat ini membayangkan kemesraan dan memberi ketenangan:

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَيِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ

20. "Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembahyang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka berada bersama engkau."

Wahai Muhammad! Allah melihat engkau, dan sesungguhnya bangunnya engkau di waktu malam mengerjakan ibadat solat bersama-sama kumpulan orang-orang Mu'min yang berada bersama engkau itu adalah diterima di dalam neraca Allah. Tuhanmu tahu bahawa engkau dan sahabat-sahabat engkau telah menjauhkan diri dari tilam-tilam tidur dan meninggalkan kehangatan selimut di malam yang dingin. Tuhanmu tahu engkau tidak menyahut panggilan tempat tidurmu yang amat menarik, kerana menyahut panggilan Allah. Sesungguhnya Tuhanmu amat kasihan kepadamu dan Dia hendak memberi keringanan kepadamu dan kepada sahabat-sahabatmu:

وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ عَلِمَ أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ

20. "Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu."

Kadang-kadang Allah memendekkan malam dan memanjangkan siang, dan kadang-kadang pula Allah memanjangkan malam dan memendekkan siang sedangkan engkau dan sahabat-sahabat yang bersama dengan engkau terus bangun beribadat di waktu malam kurang dari dua pertiga malam, kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam. Allah tahu bahawa kamu lemah untuk terus menerus beramal begitu. Allah tidak mahu membebankan kepayahan dan kesulitan ke atas kamu, malah Allah mahu memberi bekalan-bekalan kepada kamu. Kini, oleh sebab kamu telah mendapat bekalan-bekalan yang cukup, maka ringankanlah diri kamu dan beribadatlah dengan cara yang selesa dan mudah:

فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ

20. "Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an."

Carilah Rezeki

Yakni ketika bangun beribadat di waktu malam tanpa mengalami kepayahan dan kesulitan. Kemudian mengikut ilmu Allah di sana ada masalah-masalah yang menunggu kamu yang akan mengambil sepenuh usaha dan tenaga kamu dan akan menyulitkan kamu untuk bangun beribadat secara panjang di waktu malam iaitu:

عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ

20. "Allah mengetahui akan ada di antara kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula segolongan orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah."

Mereka menjelajah untuk keperluan sara hidup, sedangkan Allah tidak mahu kamu meninggalkan urusan kehidupan kamu dan memencilkan diri semata-mata untuk beribadat seperti yang dilakukan oleh padri-padri Kristian.

وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ

20. "Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilullah."

Berjihad

Yakni Allah tahu bahawa Dia akan mengizinkan kamu memerangi orang-orang yang melakukan kezaliman terhadap kamu, dan mengizinkan kamu berperang untuk menegakkan panji-panji Islam di bumi yang ditakuti oleh para penceroboh. Oleh itu, ringankanlah diri kamu:

فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ

20. "Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari al-Qur'an."

Bacalah Al-Qur'an

Tanpa menyulit dan memayahkan diri kamu, dan laksanakanlah dengan jujur dan tekun segala kewajipan yang difardhukan oleh agama:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

20. "Dan dirikanlah solat, dan keluarkan zakat."

Tunaikan Solat Dan Zakat

Selepas itu berdermalah pula sebagai pinjaman kepada Allah supaya kebajikannya berkekalan:

وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ

20. "Dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah

kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya."

Beristighfarlah

Dan bertawajjuhlah kepada Allah untuk memohon keampunan terhadap ketaqsiran kamu, kerana manusia itu tetap melakukan ketaqsiran dan kesalahan walau bagaimana sekalipun ia bersungguh-sungguh dan walau bagaimanapun ia berhati-hati mencari kebenaran:

وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

20. "Dan pohonlah keampunan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."

Rasulullah Tetap Meneruskan Ibadat Qiamul Layl

Itulah belaian rahmat, kasih mesra, kemudahan dan ketenteraman yang datang dari Allah selepas setahun mereka diseru supaya bangun beribadat di waktu malam. Allah telah memberi keringanan kepada orang-orang Islam dengan menjadikan amalan bangun beribadat di waktu malam itu sebagai ibadat sunat bukan fardhu. Tetapi Rasulullah s.a.w. sendiri meneruskan kebiasaannya beribadat kepada Allah tidak kurang dari satu pertiga malam bermunajat dengan Tuhannya di malam yang sunyi sepi. Dari penghadapannya dengan Allah inilah beliau mengambil bekalan hidup dan bekalan jihad. Di samping itu, hati Rasulullah s.a.w. tidak pernah tidur sekalipun dua matanya tidur kerana hatinya sentiasa mengingati Allah dan sentiasa menumpukan perhatian kepada-Nya. Seluruh hatinya kosong dari segala sesuatu kecuali dari Allah walaupun beliau memikul beban yang berat di atas bahunya dan walaupun beliau berada dalam kepayahan kerana menjalani tugas-tugas yang sukar.